

TAWARAN BAGI PENGISIAN JAWATAN KETUA PENOLONG PENGARAH, GRED 48 (TERBUKA) DI BAHAGIAN PEMBANGUNAN MAHASISWA, JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman Tuan/ Puan, jawatan Ketua Penolong Pengarah, Gred 48 (Terbuka) di Bahagian Pembangunan Mahasiswa, Jabatan Pendidikan Tinggi telah kosong mulai 2 April 2017.

3. Sehubungan itu, Jabatan ini mempelawa calon-calon yang berkelayakan dan berminat bagi mengisi jawatan tersebut. Maklumat lanjut jawatan tersebut adalah seperti berikut;

JAWATAN	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Mahasiswa
GRED JAWATAN	48 (Terbuka)
KUMPULAN PERKHIDMATAN	Pengurusan Dan Profesional
STATUS	Penempatan Secara Peminjaman
TEMPOH PEMINJAMAN	2 Tahun

4. Berikut merupakan kriteria-kriteria utama bagi tujuan pertimbangan iaitu:

- i. Keutamaan diberikan kepada pegawai yang telah berkhidmat dan berpengalaman dalam urusan hal ehwal dan kebajikan pelajar serta kerap terlibat dalam program berkaitan pelajar.
- ii. mempunyai prestasi kerja di tahap 85% (melebihi sasaran/ cemerlang) dalam Laporan Nilain Prestasi Tahunan bagi tiga tahun berturut-turut (Tahun 2011, 2012 dan 2013);
- iii. aktif berkecimpung dalam aktiviti/ program universiti;
- iv. bebas daripada sebarang tindakan tatatertib;
- v. mempunyai pengalaman dalam tugas pentadbiran, pengurusan kewangan, pengurusan aset dan hal-ehwal Pelajar.

5. Bagi pegawai bergred 44 yang ingin memohon jawatan ini, pegawai hendaklah telah berkhidmat di gred 44 tidak kurang daripada lima (5) tahun kecuali:

- i. memiliki kelayakan akademik di peringkat ijazah Doktor Falsafah, tidak kurang daripada dua (2) tahun; atau
- ii. memiliki kelayakan akademik di peringkat ijazah Sarjana, tidak kurang daripada tiga (3) tahun.

6. Untuk makluman Tuan/ Puan, insentif peminjaman yang ditawarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk jawatan ini adalah seperti berikut;

Bil.	Gred hakiki pegawai	Insentif peminjaman
1.	47/ 48	RM 470
2.	45	RM 460
3.	43/ 44	RM 450

7. Jabatan ini memohon jasa baik pihak Tuan/Puan untuk memaklumkan kepada semua pegawai di Universiti/ Agensi masing-masing. Bersama-sama ini dilampirkan contoh syarat-syarat peminjaman dan senarai tugas jawatan tersebut.

8. Bagi calon-calon yang berminat, pegawai boleh mengemukakan borang Permohonan Pengisian Jawatan yang telah lengkap diisi berserta sokongan Ketua Jabatan, *resume* dan senarai tugas pegawai terkini terlebih dahulu kepada shawa@mohe.gov.my atau sitik@mohe.gov.my sebelum atau pada 19 Mei 2017.

9. Segala kerjasama dan perhatian Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

SENARAI TUGAS

NAMA PENYANDANG	: KOSONG
JAWATAN	: KETUA PENOLONG PENGARAH
GRED JAWATAN	: 48 TERBUKA
BAHAGIAN	: PEMBANGUNAN MAHASISWA

1. Merancang dan menyelaras program pembangunan sahsiah mahasiswa IPT dilaksanakan secara langsung oleh Bahagian Pembangunan Mahasiswa.
2. Merancang dan menyelaras program sahsiah mahasiswa yang dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Mahasiswa dan dengan kerjasama universiti awam dan IPTS.
3. Menyelaras, memudah cara dan memantau pelaksanaan program pengiktirafan mahasiswa.
4. Merancang dan menyelaras penyediaan Memorandum/Nota Jemaah Menteri (MJM/NJM)
5. Menjadi penyelararas kepada Majlis Kepimpinan Latihan Universiti Malaysia
6. Menjadi urus setia setiap program/aktiviti anjuran Bahagian, Jabatan dan Kementerian.
7. Lain-lain arahan yang diarahkan dari semasa ke semasa.

SYARAT-SYARAT PELANJUTAN PELANTIKAN SECARA PEMINJAMAN

1. Jawatan **PENGARAH GRED 48 (TERBUKA) DI BAHAGIAN PEMBANGUNAN MAHASISWA (BPMS), JABATAN PENDIDIKAN TINGGI (JPT), KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI.**
2. Tempoh Tempoh pelanjutan peminjaman tuan ditetapkan selama dua (2) tahun mulai tarikh melapor diri bertugas.
3. Gaji Dalam tempoh peminjaman ini, tuan akan dibayar gaji sebanyak _____ sebulan di Gred N48
4. Tarikh Pergerakan Gaji Dalam tempoh peminjaman ini, tuan layak dipertimbangkan Pergerakan Gaji Tahunan pada tarikh yang sama dengan tarikh Pergerakan Gaji Tahunan jawatan hakiki tuan.
5. Elaun dan Imbuhan Tetap Tuan layak menerima elaun dan imbuhan tetap berdasarkan kelayakan jawatan peminjaman.
6. Kemudahan Cuti Tuan dibenarkan membawa baki cuti rehat gred jawatan hakiki tuan tidak lebih daripada dua tahun dan perlu dihabiskan dalam tahun ketiga. Baki cuti rehat jawatan peminjaman juga boleh dibawa ke perkhidmatan hakiki mengikut peraturan yang sama.
7. Kemudahan Kediaman Sekiranya tuan menduduki rumah kerajaan atau rumah yang disewa oleh Kerajaan, tuan tidak layak mendapat Imbuhan Tetap Perumahan.
8. Kemudahan Perubatan Tuan layak menerima kemudahan perubatan mengikut kelayakan tuan dalam Peraturan Perkhidmatan Awam dan Pekeliling/Surat Pekeliling yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
9. Kenaikan Pangkat Dalam tempoh peminjaman ini tuan layak dipertimbangkan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan hakiki mengikut syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan jawatan hakiki tuan.
10. Pematuhan Peraturan Dalam tempoh peminjaman ini tuan akan sentiasa tertakluk kepada Undang-Undang, Peraturan Perkhidmatan, Peraturan Kewangan, Pekeliling/Surat Pekeliling dan panduan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan agensi peminjam dari semasa ke semasa.
11. Tatatertib Tuan tertakluk kepada peraturan tatatertib yang berkuat kuasa di perkhidmatan hakiki tuan.
12. Hak Pencen Jika tuan telah diberi taraf berpencen, hak pencen tuan adalah terjamin. Agensi peminjam akan mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) tiap-tiap bulan pada kadar 17% daripada gaji bulanan jawatan hakiki tuan. Sekiranya tuan belum diberi taraf berpencen, tuan dan agensi peminjam hendaklah terus mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengikut kadar yang ditetapkan oleh undang-undang berkenaan.
13. Bayaran Balik Pinjaman Tuan bertanggungjawab memastikan segala potongan pinjaman (jika ada) diteruskan seperti biasa.

- | | | |
|-----|---|--|
| 14. | Bayaran Sagu Hati
Sebab Kemalangan | Jika tuan mendapat kecederaan akibat daripada menjalankan tugas dalam tempoh peminjaman, agensi peminjam dikehendaki membayar balik atau mengganti rugi kepada Kerajaan apa-apa wang dibayar oleh Kerajaan kepada tuan berkaitan dengan kecederaan yang tuan alami itu, dibuat di bawah undang-undang pencen atau Pekeliling Perbendaharaan, mana yang berkenaan, yang terpakai ke atas tuan. Jika kadar sagu hati yang ditetapkan oleh agensi peminjam lebih baik daripada kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan, tuan akan dibayar kadar yang ditetapkan oleh agensi peminjam. |
| 15. | Bayaran Sagu Hati
Kematian | Jika sekiranya tuan meninggal dunia akibat dari kecederaan yang dialami seperti yang tersebut di perenggan 14 di atas, agensi peminjam dikehendaki membayar balik atau mengganti rugi kepada Kerajaan apa-apa wang yang dibayar oleh Kerajaan, dibuat di bawah undang-undang pencen atau Pekeliling Perbendaharaan, mana yang berkenaan, yang terpakai ke atas tuan. Jika kadar sagu hati yang ditetapkan oleh agensi peminjam lebih baik daripada kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan, kadar yang lebih baik itu hendaklah digunakan. |
| 16. | Pemendekan/
Penamatan
Peminjaman | Agensi peminjam atau agensi pembekal atau tuan boleh memohon untuk menamat atau memendekkan tempoh peminjaman ini pada bila-bila masa jua dengan memberi notis 30 hari. |
| 17. | Kembali Ke
Jawatan Hakiki | Apabila tamat tempoh peminjaman ini, tuan akan kembali berkhidmat dengan perkhidmatan hakiki dan menerima gaji, elaun serta kemudahan yang layak tuan terima seolah-olah tuan tidak pernah dipinjamkan. |
| 18. | Persaraan Dalam
Tempoh
Peminjaman | Sekiranya tuan bersara semasa dalam tempoh peminjaman di agensi peminjam, tuan akan bersara mengikut jawatan hakiki di agensi pembekal dan faedah persaraan tuan akan dibayar berdasarkan jawatan tersebut. |
| 19. | Tempoh Sah
Laku tawaran | Tempoh sah laku tawaran peminjaman ini adalah selama tiga puluh (30) hari mulai dari tarikh surat tawaran ini diterima oleh tuan. Jika tuan tidak bersetuju menerima tawaran peminjaman, tidak membuat pilihan terhadap tawaran ini atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan, kelulusan peminjaman tuan adalah terbatal dengan sendirinya. |

PERSETUJUAN PEGAWAI

Saya ***bersetuju/tidak bersetuju*** menerima tawaran pelanjutan peminjaman dengan syarat-syarat yang dinyatakan di atas.

Tanda Tangan:

Nama Penuh :

No. K/P :

Jawatan :

Tarikh :

*Potong yang tidak berkenaan.